



KEJAYAAAN 100% DI IENA 2010

Tiga orang penyelidik UniMAP telah dihantar menyertai Pameran International Trade Fair, Ideas-Inventions New Products (IENA) 2010 yang berlangsung pada 28 - 31 Oktober 2010 di Nuremberg, Jerman. Prof. Dr. Ismail Daut, Prof. Madya Dr. Johari Adnan dan Prof. Madya Ir. Mohd Ichwan Nasution telah membawa cabaran UniMAP ke pameran rekacipta dan inovasi antarabangsa yang berprestij itu.

Seperti biasa, pihak Universiti telah menetapkan sasaran kemenangan 100% bagi produk-produk yang dihantar ke pameran di luar negara. Ini kerana kriteria pemilihan produk tersebut adalah berdasarkan pencapaian pada pameran dalam negara yang telah disertai pada tahun yang sama.

Dengan kepakaran dan pengalaman dimiliki ketiga-tiga penyelidik tersebut, akhirnya mereka berjaya membawa pulang dua pingat emas dan satu pingat perak.

Sungguhpun bilangan penyertaan kali ini boleh dikatakan kecil, namun ianya nyata memberi impak positif kepada UniMAP kerana kesemua penyelidik yang menyertainya telah berjaya meyakinkan panel juri bahawa produk-produk mereka amat berkualiti serta relevan pada masa kini dan akan datang.